

07 NOV 1998

DR MAHATHIR TIBA UNTUK RASMI PUSAT BERSEPADU

PORT DICKSON, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk merasmikan Pusat Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual di Bukit Nanas kira-kira 22 km dari sini.

Ketibaan beliau disambut Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Pusat berharga kira-kira RM318 juta itu boleh merawat kesemua 107 buangan terjadual yang disenaraikan di bawah Peraturan Alam Sekitar (Sisa Terjadual) 1989.

Kualiti Alam Sdn Bhd diberi konsesi selama 15 tahun untuk membiayai, membina dan mengendali kemudahan di pusat itu.

Sehingga ini, sebanyak 740 syarikat yang mengeluarkan buangan terjadual telah menandatangani perjanjian dengan Kualiti Alam untuk menggunakan kemudahan itu.

-- BERNAMA

AZ AKD